

LAPORAN KEPUTUSAN KES PENDAKWAAN

Halim Bin Mat Ail (OKS) telah dituduh di Mahkamah Majistret Jelevu, Negeri Sembilan bagi dua pertuduhan di bawah Seksyen 37(13)(a), Akta Bekalan Elektrik 1990 atas kesalahan pemasangan lampu jalan pada talian bekalan Tenaga Nasional Berhad (TNB) tanpa mendapatkan kebenaran bertulis TNB dan di bawah Peraturan 64(1), Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 atas kesalahan memasang lampu jalan pada talian bekalan TNB tanpa perakuan kekompetenan. Pada 10 Oktober 2024, OKS telah mengaku bersalah terhadap kedua-dua pertuduhan berkenaan dan Mahkamah Majistret Jelevu telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM1,000.00 jika gagal bayar, 2 bulan penjara bagi pertuduhan pertama dan denda sebanyak RM 500.00 jika gagal bayar 2 bulan penjara bagi pertuduhan kedua. OKS telah membayar denda-denda tersebut.